

NO. SOALAN: 80

Sehingga Mac 2015, sebanyak 1.7 juta port sambungan HSBB telah siap dipasang dan diuji melibatkan 103 buah ibu sawat (*exchange*). Pencapaian ini merupakan 124% daripada sasaran yang telah ditetapkan iaitu 1.3 juta port sambungan. Melalui projek ini, infrastruktur rangkaian teras telah dinaik taraf dan kapasiti rangkaian antarabangsa telah dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan pengguna. Kapasiti rangkaian antarabangsa telah dipertingkatkan daripada 682.35 Gbps kepada 1.74 Tbps.

Projek HSBB, secara tidak langsung telah menggalakkan penglibatan syarikat tempatan dan bumiputera. Sebanyak 1,226 syarikat bumiputera telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek ini dengan nilai kerja sebanyak RM3.4 bilion.

Rangkaian HSBB yang berkonsepkan akses terbuka telah membantu penyedia perkhidmatan lain untuk turut menggunakan infrastruktur ini dan menawarkan perkhidmatan HSBB. Setakat ini, sebanyak lima (5) pemberi perkhidmatan iaitu Maxis, Celcom, Packet One, RedTone dan Formis telah menggunakan perkhidmatan HSBB *Access* (HSBA) manakala sebanyak 27 buah syarikat telah menggunakan infrastruktur HSBB bagi perkhidmatan HSBB *Transmission* (HSBT) dengan kapasiti 115 Gbps yang melibatkan 410 sambungan seluruh negara.